

Lawatan Kerja Pengurusan Tertinggi KPM ke SK Sungai Lada dan SMK Mutiara



Labuan, 26 Januari 2024 – Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Sektor Operasi Sekolah, menjalankan tugas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, YBrs. Tuan Haji Azman bin Haji Adnan, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, YBrs. Tuan Haji Muie bin Ngah A.M.T. dan Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam, KPM, YBrs. Tuan Haji Abu Hanipah @ Fauzi bin Zahari telah mengadakan lawatan kerja ke SK Sungai Lada dan SMK Mutiara pagi tadi.

Di SK Sungai Lada, rombongan ini telah dibawa melihat persekitaran sekolah, kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan galeri sekolah. Terdapat 6 bilik darjah PPKI dengan jumlah murid seramai 43 orang, 6 orang guru dan 3 orang pembantu pengurusan murid. Rombongan lawatan tersebut turut diperlihatkan demonstrasi membuat ambuyat.



Tuan Haji Azman tekun mendengar dan melihat hasil kerja murid SK Sungai Lada



Lawatan persekitaran sekolah SK Sungai Lada

Rombongan berkesempatan melihat dan mencuba cara-cara membuat ambuyat

Manakala di SMK Mutiara, rombongan dibawa melihat hasil inovasi murid Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sukan. Murid-murid KAA turut mempersembahkan lagu KAA hasil ciptaan ustazah Rohani Tali, Penolong Kanan HEM SMK. Ahli rombongan kerja tersebut turut diberi taklimat tentang aktiviti memanah dan tidak melepaskan peluang mencubanya.

Tuan Hj Azman turut memberikan sentuhan motivasi kepada 154 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Akronim DUIT iaitu Doa dan bermunajat, Usaha berterusan, Ilmu yang cukup dan Tawakkal kepada Allah merupakan resepi untuk berjaya.

Tahniah kepada barisan pentadbir, guru, murid dan seluruh warga sekolah yang sentiasa komited memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Semoga SPM

2023, Labuan akan mencatatkan kejayaan cemerlang, inshaAllah.



Lawatan kerja Pengurusan Tertinggi KPM ke SMK Mutiara



Rombongan melihat hasil inovasi murid Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sukan



Tuan Haji Azman mencuba aktiviti memanah sambil diperhatikan oleh Encik Awang Rozlan (tengah) Turut hadir dalam lawatan kerja ini adalah Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran Encik Yahya Ahmad Puteh, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Puan Kamariah Salim, Ketua Penolong Pengarah Sektor Integriti Mohd Khairul Rizal dan Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam Mohd Fadzli Sheikh Abdul Rahim.

Berita Oleh : Sektor Pendidikan Islam





Suntikan Motivasi kepada Calon Peperiksaan SPM oleh Tuan Haji Azman



Gambar kenangan : Rombongan KPM dan JPWPL bersama warga sekolah SMK Mutiara